



# **KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
KALI KE TIGA PULUH ENAM**

**LEVEL 24, MENARA KOMTAR  
JOHOR BAHRU CITY CENTRE  
80000 JOHOR BAHRU**

**ISNIN, 24 JULAI 2017  
2.30 PETANG**



7 Julai 2017

Anggota-anggota  
Koperasi Perbadanan Johor Berhad

Tuan/Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE TIGA PULUH ENAM (36)**

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 36 akan diadakan di Bilik 241, 242, 243 dan 244 Tingkat 24, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, 80000 Johor Bahru, pada hari ISNIN, 24 Julai 2017 jam 2.30 Petang.

**AGENDA MESYUARAT AGUNG (undang-undang kecil 24)**

**AGENDA 1 :** MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN;

**AGENDA 2 :** MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 35;

**AGENDA 3 :** MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN;

**AGENDA 4 :** MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT;

**AGENDA 5 :** PERLETAKAN JAWATAN 1/3 AHLI-AHLI LEMBAGA MENGIKUT SEKSYEN 42 AKTA DAN PEREANGGAN (d) FASAL (1) 32 UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI SERTA MELANTIK SEMULA ATAU MELANTIK BARU EMPAT (4) ORANG DI BAWAH SEKSYEN YANG SAMA DAN MELANTIK SEORANG (1) LEMBAGA BARU BAGI MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA;

**AGENDA 6 :** MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2017/2018;

**AGENDA 7 :** MELULUSKAN BAYARAN ELAUN KEPADA AHLI-AHLI LEMBAGA;

**AGENDA 8 :** MELULUSKAN PERLANTIKAN SATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI;

**AGENDA 9 :** MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG BERLEBIHAN KOPERASI;

**AGENDA 10 :** MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI;

**AGENDA 11 :** MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN;



**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD (No. Syarikat : IP5147/1)**  
Level 11, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, 80000 Johor Bahru, Johor  
Tel: 07-2192692

**AGENDA 12 :** MELULUSKAN CADANGAN TAMBAHAN AKTIVITI KOPERASI;

**AGENDA 13 :** MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA USUL ATAU URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN;

**AGENDA 14 :** MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI, JIKA ADA;

**AGENDA 15 :** MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN, YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI TELAH DIKEMUKAKAN KEPADA KOPERASI YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA YANG TERKILAN DENGAN SESUATU KEPUTUSAN LEMBAGA;

**AGENDA 16 :** MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN KEPADA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN; DAN

**AGENDA 17 :** MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT AKTA DAN PERATURAN, JIKA ADA.

Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan atau sebarang usul untuk dikemukakan dalam Mesyuarat Agung tersebut, sila majukan secara bertulis kepada Setiausaha Koperasi tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung.

Sekian.

Dengan Perintah Lembaga,

**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**

**(ROHAYA BINTI JAAFAR)**

Setiausaha



**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD (No. Syarikat : IP5147/1)**  
Level 11, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, 80000 Johor Bahru, Johor  
Tel: 07-2192692

**ATURCARA MAJLIS  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 36  
KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD  
24 JULAI 2017**

2.00 Petang - Ketibaan Jemputan

2.30 Petang - Ketibaan

YB Dato,, Kamaruzzaman Bin Abu Kassim  
Presiden dan Ketua Eksekutif  
Johor Corporation

2.35 Petang - Bacaan Doa

2.40 Petang - Ucapan Aluan

Tn Hj Abdul Hamid Bin Abd Rahman  
Pengerusi  
Koperasi Perbadanan Johor Berhad

2.45 Petang - Ucapan Perasmian

YB Dato,, Kamaruzzaman Bin Abu Kassim  
Presiden Dan Ketua Eksekutif  
Johor Corporation

3.00 Petang - Tayangan Video Aktiviti KOPJCORP

3.15 Petang - Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 36

4.45 Petang - Penangguhan Mesyuarat

Jamuan Ringan

Bersurai



## **PERINTAH-PERINTAH TETAP MESYUARAT AGUNG TAHUNAN**

### **1. PERHIMPUNAN**

Ahli-ahli hendaklah berhimpunan di tempat dan di waktu sebagaimana dan di waktu sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam susunan Mesyuarat Agung.

### **2. Pengerusi**

Pengerusi hendaklah mengambil tempatnya sebagai Pengerusi dan dengan rasminya membuka Majlis Mesyuarat Agung itu.

### **3. AGENDA MESYUARAT**

Agenda Mesyuarat Agung hendaklah disifatkan sebagai telah dibaca di pembukaan Mesyuarat Agung itu. Semua butir-butir di dalam agenda mesyuarat itu hendaklah diberi keutamaan dari segala urusan lain.

### **4. PERATURAN AHLI-AHLI BERCAKAP**

Tiap-tiap Ahli hendaklah berdiri tatkala bercakap dan hendaklah memulakan ucapannya dengan memanggil Pengerusi sebagai "Tuan / Puan Pengerusi". Apabila lebih dari seorang Ahli mengangkat tangan dan bangun hendak bercakap, Ahli yang mengangkat tangan dan bangun terdahulu sekali hendaklah diberi keutamaan dan keputusannya terpulanglah kepada Pengerusi. Akan tetapi, Ahli yang mengangkat tangan dan bangun selepas sahaja daripada Ahli yang pertama itu adalah berhak bercakap selepas Ahli yang pertama itu mengakhiri ucapannya.

### **5. KETETAPAN Pengerusi**

Sekiranya Pengerusi bangun untuk menegur seseorang Ahli atau kerana juga maksud yang berkaitan dengan urusan Mesyuarat, Ahli yang sedang bercakap itu hendaklah tatkala itu duduk semula. Ketetapan yang diperbuat oleh Pengerusi atas sebarang soal dibawah Perintah-perintah Tetap atau mengenai tertib Mesyuarat atau penerangan adalah muktamad kecuali jika ditentang oleh tidak kurang dari 2/3 daripada Ahli-ahli yang hadir mengundi di atasnya.



## **6. UCAPAN – UCAPAN**

- 6.1 Seseorang Ahli tidak boleh bercakap kecuali mengenai dengan sesuatu usul atau pindaan dan tidak boleh bercakap dua kali di atas satu perkara melainkan jika ianya PEMBAWA USUL YANG ASAL yang dengan kerana itu ia berhak menjawab. Tetapi apabila pindaan itu tidak dibawa oleh seseorang Ahli lain, Ahli yang pertama yang telah bercakap di atas usul itu bolehlah bercakap lagi di atas pindaan-pindaan itu.
  
- 6.2 Semua perkara hendaklah diputuskan dengan satu bilangan undi yang terbanyak dan apabila undi-undi itu didapati sama banyak bilangannya maka usul itu hendaklah disifatkan kalah. Pengerusi tidak mempunyai undi pemutus. Mengundi hendaklah dengan mengangkat tangan kecuali jika undi secara rahsia diminta oleh tidak kurang daripada 2/3 Ahli-ahli yang hadir.

## **7. MENGGANTUNG PERINTAH-PERINTAH TETAP**

Jika sekiranya didapati ada sebarang perkara yang mustahak, Pengerusi bolehlah menerima usul-usul untuk menggantung Perintah-perintah Tetap itu. Ahli yang membawa usul bagi penggantungan tersebut mestilah menyatakan dengan jelas hal atau sebab yang mustahak tentang perkara yang hendak dibawanya itu dan menunjukkan bilangan Perintah-Perintah Tetap yang terlibat dan beberapa lama tempoh penggantungan yang dikehendakinya itu.



## **AGENDA 1**

MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM ORANG ANGGOTA DAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

**AGENDA 1 :**  
**MELANTIK SUATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA**  
**ENAM ORANG ANGGOTA DAN EMPAT ORANG ANGGOTA**  
**LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT**  
**AGUNG TAHUNAN**

Nota:

Pengerusi dikehendaki melantik 6 orang di kalangan ahli yang hadir dan 4 orang di kalangan Pengarah untuk mengesahkan peringatan minit mesyuarat agung yang akan berlangsung





## **AGENDA 2**

**MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT LEMBAGA TERDAHULU  
BERTARIKH 28 JULAI 2016**

**AGENDA 2:**  
**MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 35**

NOTA:

Pengerusi dikehendaki membentangkan minit mesyuarat agung yang lalu untuk disahkan.

# **KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**

## **PERINGATAN MESYUARAT AGUNG KALI KE TIGA PULUH LIMA**

Tempat : Bilik Mesyuarat Aras 24  
Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre  
80000 Johor Bahru

Tarikh : Khamis, 28 Julai 2016

Masa : 2.30 petang

Yang Hadir : **Ahli- Ahli** seramai 160 orang sebagaimana Lampiran 1.

### **Pengarah-Pengarah**

Tuan Hj Abdul Hamid Bin Abd Rahman (Pengerusi)  
Tuan Hj Abd Ghafar Bin Md Yunos  
Encik Mohd Bahrin Bin Bakori@Bakri  
Tuan Haji Jamalludin Bin Kalam  
Puan Azdina Binti Baharudin  
Cik Salmah Bte Hj Abd Wahab  
Encik Rizuwanuddin Bin Sumar  
Puan Rohaya Binti Jaafar (Setiausaha)

Tidak Hadir : Tuan Hj Shahrini Bin Aslam  
Encik Alfadzilah Bin Hj Mat Aris  
Puan Hajah Azizah Binti Ahmad  
Tuan Hj Mohd Kordi Bin Bakin

### **PELANTIKAN Pengerusi :**

Ahli-ahli sebulat suara telah bersetuju untuk melantik Tuan Hj Abdul Hamid Bin Abd Rahman sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung kali ke 35.

### **AGENDA 1 : PELANTIKAN JAWATANKUASA BAGI MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT AGUNG**

Sepuluh orang ahli yang terdiri dari 6 orang ahli biasa dan 4 orang ahli Lembaga Pengarah seperti berikut telah mencadangkan supaya Peringatan Mesyuarat Agung kali ke 34 yang telah diadakan pada 24 Jun 2015 disahkan:-

- |                                       |                         |
|---------------------------------------|-------------------------|
| 1. Encik Abd Kadir Bin Attan          | - Ahli Biasa            |
| 2. Nor'azam Bin Md Jeen @ M Jani      | - Ahli Biasa            |
| 3. Puan Nora Binti Ismail             | - Ahli Biasa            |
| 4. Puan Nor Khasidah Binti Abd Wahab  | - Ahli Biasa            |
| 5. Puan Noor Ruzilawati Binti Ruddin  | - Ahli Biasa            |
| 6. Encik Mohd Naquidin Bin Shahrini   | - Ahli Biasa            |
| 7. Cik Salmah Binti Abd Wahab         | - Ahli Lembaga Pengarah |
| 8. Encik Jamalludin Bin Kalam         | - Ahli Lembaga Pengarah |
| 9. Encik Mohd Bahrin Bin Bakori@Bakri | - Ahli Lembaga Pengarah |
| 10. Puan Azdina Binti Baharudin       | - Ahli Lembaga Pengarah |

**AGENDA 2 : MENGESAHKAN PERINGATAN MESYUARAT AGUNG KALI KE TIGA PULUH TIGA YANG TELAH DIADAKAN PADA 24 JUN 2015**

**DITETAPKAN** bahawa Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke Tiga Puluh Tiga (34) yang telah diadakan pada 24 Jun 2015 diterima dan disahkan.

**AGENDA 3 : MENERIMA LAPORAN LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

**3.1 LAPORAN KEGIATAN KOPERASI 2015/2016**

Encik Mohd Mohamad Salleh Mohamad Yusof telah mencadangkan supaya laporan kegiatan Koperasi bagi 2015/2016 diterima dan disokong oleh Encik Abd Kadir Bin Attan.

**DITETAPKAN** bahawa Laporan Kegiatan Koperasi 2015/2016 diterima dan disahkan.

**3.2 LAPORAN AUDIT DALAMAN**

Puan Azdina Binti Baharudin, Juruaudit Dalaman Koperasi telah membentangkan Laporan Audit Dalaman bagi tahun 2015.

Encik Mohd Mohamad Salleh Mohamad Yusof telah mencadangkan supaya Laporan Audit Dalaman Koperasi diterima dan disokong oleh Puan Anisah Binti Ramdan.

**DITETAPKAN** bahawa Laporan Audit Dalaman diterima dan disahkan.

**AGENDA 4 : MELULUSKAN PENYATA KIRA-KIRA BERAUDIT BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015**

Puan Maziah Binti Mahmood telah mencadangkan agar Penyata Kira-kira Beraudit bagi Tahun berakhir 31 Disember 2015 yang telah dibentangkan diterima dan disokong oleh Puan Anisah Binti Ramdan.

**DITETAPKAN** bahawa Penyata Kira-kira Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 diterima dan diluluskan.

**AGENDA 5 : PERLETAKAN JAWATAN 1/3 AHLI-AHLI LEMBAGA MENGIKUT SEKSYEN 69 (1) SERTA MELANTIK SEMULA ATAU MELANTIK BARU EMPAT (4) ORANG DI BAWAH SEKSYEN YANG SAMA DAN MELANTIK SEORANG (1) LEMBAGA BARU BAGI MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA**

Seramai 1/3 daripada ahli-ahli Lembaga perlu meletakkan jawatan mengikut Seksyen 69(1) dan mereka boleh dilantik semula. Mereka ialah:-

- i. Haji Abdul Hamid Bin Abd Rahman
- ii. Haji Jamalludin Bin Kalam
- iii. Haji Shahrani Bin Haji Aslam
- iv. Rohaya Binti Jaafar

Manakal seorang (1) ahli Lembaga meletakkan jawatan dan tidak akan dilantik semula iaitu Rizuwanuddin Bin Sumar

Ahli-ahli telah membuat pemilihan baru bagi mengisikan lima (5) kekosongan jawatan Lembaga Pengarah.

Keputusan pemilihan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baru setelah dibuat undian secara bertulis dan disahkan di dalam Mesyuarat Agung adalah seperti berikut :-

<u>Nama</u>	Jumlah Undi
Haji Abdul Hamid Bin Abd Rahman	22
Haji Jamalludin Bin Kalam	18
Haji Bukhari Bin Abd Rahman	17
Haji Mohd Nazarudin Bin Ali	15
Rohaya Binti Jaafar	13

Ahli-ahli yang hadir dengan sebulat suara telah mencadangkan agar Pengarah-Pengarah yang tersebut di atas dilantik sebagai Pengarah bagi sesi 2016/2017.

**DITETAPKAN** bahawa Haji Abdul Hamid Bin Abd Rahman, Haji Jamalludin Bin Kalam, Haji Bukhari Bin Abd Rahman, Haji Mohd Nazarudin Bin Ali dan Rohaya Binti Jaafar dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Koperasi yang baru bagi sesi 2016/2017.

Diambil catatan bahawa dengan pelantikan-pelantikan di atas, ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi Perbadanan Johor Berhad bagi sesi 2016/2017 adalah seperti berikut :-

1. Tuan Haji Abdul Hamid Bin Abd Rahman
2. Tuan Haji Abdul Ghafar Bin Mohd Yunos
3. Tuan Haji Bukhari Bin Abd Rahman
4. Encik Alfadzilah Bin Haji Mat Aris
5. Puan Rohaya Binti Jaafar
6. Puan Azdina Binti Baharudin
7. Encik Jamalludin Bin Kalam
8. Puan Hajah Azizah Binti Ahmad
9. Tuan Haji Kordi Bin Bakin
10. Encik Mohd Bahrin Bin Bakri
11. Cik Salmah Binti Hj Abd Wahab
12. Tuan Haji Mohd Nazarudin Bin Ali

**AGENDA 6 : MELULUSKAN BELANJAWAN KOPERASI BAGI TAHUN 2016/2017**

Tuan Pengerusi telah membentangkan laporan mengenai langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Koperasi di dalam tahun 2016/2017.

Puan Suhana Binti Hassan telah mencadangkan agar Laporan Belanjawan Koperasi di dalam tahun 2016/2017 diluluskan, dan disokong oleh Puan Nora Binti Ismail.

**DITETAPKAN** bahawa belanjawan Koperasi bagi tahun 2016/2017 adalah diluluskan.

**6.1 CADANGAN PEMBAYARAN DIVIDEN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Puan Anisah Binti Ramdan telah mencadangkan agar pembayaran dividen sebanyak 5% bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 diluluskan dan disokong oleh Encik Mohd Zaki Bin Harun.

**DITETAPKAN** bahawa cadangan Pembayaran Dividen sebanyak 5%.bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah diluluskan.

**AGENDA 7 : MELULUSKAN BAYARAN ELAUN KEPADA LEMBAGA PENGARAH**

Puan Roziyati Binti Othman telah mencadangkan agar ahli Lembaga Pengarah dibayar elaun menghadiri Mesyuarat sebanyak RM100.00 seorang setiap kali menghadiri mesyuarat, diluluskan dengan disokong oleh Encik Nor'azam Bin Md Jeen @ M Jani.

**DITETAPKAN** bahawa bayaran elaun menghadiri mesyuarat kepada ahli Lembaga Pengarah Koperasi sebanyak RM100.00 seorang adalah diluluskan.

**AGENDA 8 : MELULUSKAN PERLANTIKAN JURUAUDIT LUAR BAGI MENGAUDIT KIRA-KIRA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Tuan Haji Abdul Ghafar bin Md Yunus telah mencadangkan agar Tetuan MNZ Waj Associates dan Tetuan AKN Arif dilantik sebagai Juruaudit luar bagi mengaudit Penyata Kira-Kira berakhir 31hb. Disember 2016 , diluluskan dan disokong oleh Encik Mohd Yunus Bin Md seh.

**DITETAPKAN** bahawa Tetuan MNZ Waj Associates dan Tetuan AKN Arif dilantik sebagai Juruaudit luar bagi mengaudit Penyata Kira-kira berakhir 31hb. Disember 2016.

**AGENDA 9 : MELULUSKAN HAD PELABURAN SEBANYAK RM50.0 JUTA**

Encik Nor'azam Bin Md Jeen @ M Jani telah mencadangkan agar Lembaga Pengarah diberikuasa untuk membuat pelaburan sebanyak RM50.0 juta, diluluskan dan disokong oleh Puan Futihah Binti Abdul Shukor.

**DITETAPKAN** bahawa Lembaga Pengarah diberikuasa untuk membuat pelaburan sebanyak RM50.0 juta.

**AGENDA 10 : MELULUSKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI SEBANYAK RM50.0 JUTA**

Encik Shamsul Amri Bin Zainudin telah mencadangkan agar Lembaga Pengarah diberikuasa untuk membuat pinjaman sebanyak RM50.0 juta, diluluskan dan disokong oleh Encik Abd. Kadir Bin Attan.

**DITETAPKAN** bahawa Lembaga Pengarah diberikuasa untuk membuat keberhutangan pada tahap maksima sebanyak RM50.0 juta.

**AGENDA 11 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN**

Tiada.

**AGENDA 12 : MELULUSKAN CADANGAN AKTIVITI KOPERASI**

Puan Mizzah Binti Ismail mencadangkan agar kesemua cadangan penambahan aktiviti Koperasi seperti di bawah adalah diluluskan dan disokong oleh Puan Anisah Binti Ramdan :-

- i. Cadangan penukaran operator cafe 24
- ii. Cadangan menggantikan pinjaman kontigensi RM2,000.00 kepada pinjaman kebajikan RM1,000.00.
- iii. Cadangan pemberian pinjaman koperasi RM2,000.00 kepada RM200,000.00
- iv. Cadangan pembelian sistem pengurusan berkomputer koperasi (SPBK)
- v. Cadangan pelaksanaan perniagaan secara dalam talian (E-dagang)
- vi. Cadangan pelaksanaan Tabung Simpanan Khas (TSK)
- vii. Cadangan melaksanakan aktiviti koperasi secara patuh syariah
- ix. Cadangan aturan aktiviti koperasi
  - a) Aturan pengurusan Cafe 24
  - b) Aturan keanggotaan Koperasi
  - c) Aturan skim perlindungan takaful kenderaan dan perbaharui cukai jalan
  - d) Aturan pinjaman bersama Bank Rakyat
  - e) Aturan Simpanan Khas
  - f) Aturan skim tabung simpanan khas
  - g) Aturan skim pinjaman peribadi koperasi
  - h) Aturan pinjaman kebajikan RM1,000.00

**DITETAPKAN** bahawa cadangan penambahan aktiviti Koperasi sebagaimana dibentangkan adalah diluluskan.

**AGENDA 13 : MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA USUL ATAU URUSAN LAIN KOPERASI YANG SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI YANG TELAH DIBERIKAN**

Tiada.

**AGENDA 14 : MELULUSKAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**

**14.1 MEMBENTANGKAN SEMULA PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL (UUK)**

**14.1.1 PERTUKARAN ALAMAT BERDAFTAR KOPERASI (Seksyen 5 – Alamat)**

Puan Mizzah Binti Ismail telah mencadangkan agar alamat berdaftar Koperasi ditukar ke alamat yang baru Tingkat 11, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre, Jalan Wong Ah Fook, 80000 Johor Bahru, Johor dan disokong oleh Puan Anisah Binti Ramdan.

**DITETAPKAN** bahawa alamat berdaftar Koperasi ditukar sebagaimana di atas.

**14.1.2 PERTUKARAN LOGO KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD (Seksyen 74 –Mohor)**

Ahli-Ahli dengan sebulat suara telah meluluskan logo Koperasi yang baru seperti berikut :-



**DITETAPKAN** bahawa logo koperasi yang baru sebagaimana di atas adalah diluluskan.

**14.1.3 PERTUKARAN KAWASAN OPERASI (Seksyen 6 – Kawasan Operasi)**

Puan Mizzah Binti Ismail telah mencadangkan agar kawasan operasi Koperasi dikutar daripada `Daerah Johor Bahru` kepada `Seluruh Malaysia` dan disokong oleh Puan Anisah Binti Ramdan.

**DITETAPKAN** bahawa Kawasan Operasi Koperasi ditukar daripada `Daerah Johor Bahru` kepada `Seluruh Malaysia`.

**14.1.4 MELULUSKAN CADANGAN TAMBAHAN AKTIVITI KOPERASI (Seksyen 9(1)(a))**

Encik Nor'azam Bin Md Jeen @ M Jani mencadangkan agar kesemua cadangan penambahan aktiviti Koperasi seperti di bawah adalah diluluskan dan disokong oleh Encik Abdul Kadir Bin Attan :-

1. Penubuhan TASKA.
2. Meminjam Had Maksimum Daripada Suruhanjaya Koperasi (SKM) atau Institusi Kewangan dan Mengurus Sumber Ini Untuk Menyediakan Pinjaman Peribadi dan Perumahan kepada Anggota dengan Had Maksimum RM50 Ribu.
3. Menjadi Agen Bank, Institusi Kewangan dan Badan-Badan yang Diluluskan oleh Koperasi untuk Memberikan Kemudahan Kredit.
4. Menjalan Aktiviti Perkhidmatan Penyediaan Makanan dan Minuman Seperti Kafeteria dan Kantin.
5. Menjalankan Aktiviti Sebagai Agen, Pembekal dan Peruncit, Pembekal Bahan-Bahan Pengguna dan Pejabat.
6. Menjadi Agen Insuran.
7. Mengekalkan Caruman Sedia Ada dan Dikecualikan Membayar Bulanan bagi Anggota yang Telah Bersara atau Tidak Bekerja Dalam Kumpulan JCorp.

**DITETAPKAN** bahawa cadangan penambahan aktiviti Koperasi sebagaimana dibentangkan adalah diluluskan.



## 14.2 PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL

### 14.2.1 PERTUKARAN NAMA KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD (Seksyen 4 –Nama).

Ahli-ahli sebulat suara meluluskan pertukaran nama Koperasi daripada "Koperasi Perbadanan Johor Berhad" kepada "Koperasi Anggota Pekerja Kumpulan Perbadanan Johor Berhad"

**DITETAPKAN** bahawa nama Koperasi ditukar daripada "Koperasi Perbadanan Johor Berhad" kepada "Koperasi Anggota Pekerja Kumpulan Perbadanan Johor Berhad"

### 14.2.2 MELULUSKAN CADANGAN TAMBAHAN AKTIVITI KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD (SEKYEN 9(1) (A)

Puan Mizzah Binti Ismail mencadangkan agar kesemua cadangan penambahan aktiviti Koperasi seperti di bawah adalah diluluskan dan disokong oleh Puan Anisah Binti Ramdan :-

- i. E- Dagang

**DITETAPKAN** bahawa cadangan penambahan aktiviti koperasi adalah diluluskan

**AGENDA 15 : MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN, YANG SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI TELAH DIKEMUKAKAN KEPADA KOPERASI YANG DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA YANG TERKILAN DENGAN SESUATU KEPUTUSAN LEMBAGA.**

Tiada.

**AGENDA 16 : MELULUSKAN APA-APA PERBELANJAAN KEPADA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN.**

Encik Mohd Razlan Bin Abdul Jalil telah mencadangkan agar Juruaudit Dalaman Koperasi dibayar RM20.00 seorang setiap kali menjalankan kerja-kerja audit, diluluskan dengan disokong oleh Encik Mohd Tahar Bin Sahid .

**DITETAPKAN** bahawa bayaran bayaran elaun kepada Juruaudit Dalaman Koperasi sebanyak RM20.00 seorang adalah diluluskan.

**AGENDA 17 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT AKTA DAN PERATURAN.**

Tiada.

Oleh kerana tiada hal-hal lain yang hendak dibincangkan, mesyuarat telah diakhiri dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi kepada ahli-ahli yang hadir.

Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 3.45 petang.

Disahkan pada .....

Disahkan oleh,

**(HJ ABDUL HAMID BIN ABD RAHMAN)**  
Pengerusi

Disediakan oleh

**(ROHAYA BINTI JAAFAR)**  
Setiausaha



### **AGENDA 3**

**MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA  
AUDIT DALAMAN**

## **AGENDA 3 :**

### **MENIMBANG LAPORAN-LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

Nota: Pengerusi dikehendaki membentangkan laporan KOPJCORP bagi tahun 2016/2017.

#### **3.1 LAPORAN LEMBAGA PENGARAH**

##### **1.0 Laporan Kegiatan**

##### **1.1 Penubuhan Jawatankuasa**

##### **1.2 Laporan Aktiviti Bisnes**

##### **1.3 Laporan Kegiatan Ibu Pejabat**

##### **2.0 Laporan Bahagian Keanggotaan**

##### **2.1 Status Keahlian**

##### **3.0 Pindaan Undang-Undang Kecil (UUK)**

##### **4.0 Status kewangan KOPJCORP**

##### **5.0 Perletakan Jawatan & Perlantikan Ahli Lembaga**

##### **6.0 Perlantikan Juruaudit Dalaman**

### **3.1 LAPORAN KEGIATAN PERBADANAN JOHOR BERHAD (KOPJCORP) BAGI TAHUN 2016/2017**

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dengan hormatnya membentangkan Laporan aktiviti KOPJCORP bagi tempoh setahun untuk sesi 2016/2017.

#### **1.0 Laporan Kegiatan**

##### **1.1 Penubuhan Jawatankuasa**

Ahli Lembaga Pengarah telah meluluskan pembentukan Jawatankuasa bagi memastikan aktiviti KOPJCORP dapat berjalan dengan lancar. Jawatankuasa tersebut berfungsi untuk menilai dan meluluskan serta memantau aktiviti yang telah dirancang dan laporan aktiviti akan dibentangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi.

##### **Jawatankuasa Pembangunan Bisnes**

En Mohd Kordi Bin Bakin(Pengerusi)  
En Wan Mohd Nizam Bin Wan Omar  
Puan Hajah Azdina Bin Baharudin  
En Jefri Bin Jaafar  
Tn Haji Mohd Nazaruddin Bin Md Ali  
Pn Maziah Binti Mahmod

##### **Jawatankuasa Pembiayaan**

En Alfadzilah Bin Hj Mat Aris  
Tn Hj Abdul Ghafar Md Yunos  
Puan Hajah Azdina Bin Baharudin  
Tn Haji Mohd Nazaruddin Bin Md Ali  
Pn Maziah Binti Mahmod

##### **Jawatankuasa Tabung Simpanan Khas**

En Mohd Bahrin Bakori @ Bakri  
Tn Hj Abdul Ghafar Md Yunos  
Puan Hajah Azdina Bin Baharudin  
Pn Roziyati Binti Othman

##### **Jawatankuasa Cafe24**

En Jamalludin Bin Kalam  
Cik Salmah Binti Wahab  
Pn Roziyati Binti Othman

## 1.2 Laporan Aktiviti Bisnes

### 1.2.1 Aktiviti Kredit

1.2.1.1 KOPJCORP telah menubuhkan Jawatankuasa Patuh Syariah bagi memastikan aktiviti pembiayaan dan bisnes yang dijalankan mematuhi syariah. Panel Jawatankuasa patuh syariah terdiri dari:-

Prof Dr. Mohamad @ Md.Som Bin Sujimon (Pengerusi)

Prof Madya Dr Rusni Binti Hassan(panel)

Tuan Haji Mohd Syahir Bin Rahmat(panel)

Pada 5 Disember 2016, produk koperasi iaitu Keanggotaan, Pembiayaan Kebajikan dan Pembiayaan Peribadi telah mendapat patuh Syariah manakala Tabung Simpanan Khas telah mendapat patuh syariah pada 30 Disember 2016.

1.2.1.2 Pembiayaan Kebajikan

Dana untuk Pembiayaan Kebajikan-*i* adalah sebanyak RM50,000 setahun dan sehingga jun 2017 seramai 27 anggota telah memohon pembiayaan dengan jumlah RM27,000.

1.2.1.3 Pembiayaan Peribadi

KOPJCORP telah menawarkan pembiayaan peribadi sebanyak RM2,000 hingga RM200,000 bermula Jan 2017 kepada anggotanya. Sehingga Jun 2017, KOPJCORP hanya melaksanakan pembiayaan RM2,000 hingga RM5,000 dahulu memandangkan dana tidak mencukupi, KOPJCORP telah mengeluarkan RM1,589,000 kepada 329 pemohon. Seramai 27 permohonan menunggu untuk pengeluaran cek selepas menandatangani surat tawaran dan perjanjian berjumlah RM122,000.00. Kini masih lagi berbaki 90 pemohon dengan jumlah pembiayaan RM2,235,000 yang telah diluluskan namun tidak dapat diteruskan pengeluaran berikutan dana tidak mencukupi. Disamping tambahan permohonan seramai 35 pemohon dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM323,000.00 dalam senarai menunggu kelulusan. Oleh yang sedemikian, pihak KOPJCORP masih kekurangan modal hampir RM2,680,000 yang kini hanya bergantung kepada bayaran balik dan caruman bulanan.

Jawatankuasa Pembiayaan dan Ahli Lembaga Koperasi telah bersetuju mendapatkan dana luar bagi menampung dana pembiayaan tersebut. KOPJCORP mempunyai beberapa pilihan bagi mendapatkan dana pembiayaan. Permohonan pembiayaan telah dimajukan kepada Bank Rakyat dengan had kredit RM10 juta dan Bank Persatuan dengan had kredit berjumlah RM5 juta. KOPJCORP juga akan memajukan permohonan pinjaman dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk anggota dari ibu pejabat Johor Corporation dan memajukan pinjaman dari Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan Johor Corporation bagi menambahkan dana yang tidak mencukupi dan diperlukan segera.

#### 1.2.1.4 Pelaburan Tabung Simpanan Khas

Jawatankuasa Tabung Simpanan Khas yang telah bermesyuarat pada 31 Mei 2017 dan mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi bertarikh 13 Jun 2017 telah meluluskan sebagaimana berikut:-

1. TSK hanya untuk pembiayaan RM5,000 dengan kadar caj keuntungan 4.5%.
2. Tempoh matang pelaburan dipanjangkan kepada 3 tahun selepas mengambilkira simulasi keuntungan pelabur dan KOPJCORP serta dana mencukupi untuk penjualan semula.
3. Saiz TSK sebanyak RM5,000,000 tidak termasuk keuntungan yang dilaburkan semula;
3. Pengurusan akan membuat tawaran kepada anggota KOPJCORP melabur dalam TSK dengan had minima RM1,000 dan maksima RM200,000;
4. Keuntungan akan diisytihar setahun sekali selepas pengiraan keuntungan pada akhir tahun kewangan KOPJCORP.
5. Pelabur berhak mendapat pembahagian keuntungan sekiranya menjual semula pelaburan sebelum tempoh setahun dengan kadar keuntungan mengikut tempoh yang telah dilaburkan.

Sehingga Jun 2017, KOPJCORP telah menerima seramai 11 anggota yang telah membuat pelaburan dengan jumlah RM335,000.

#### 1.2.2 Pembekalan Dan Pemasaran Bisnes

KOPJCORP telah mempunyai beberapa agen pembekal utama produk antaranya IMCoop, Hijrah Water, Ayamas, One2Drink dan lain-lain. KOPJCORP dalam proses menambahkan bilangan pembekal yang boleh dipasarkan kepada pelanggan. Sehingga Jun 2017 KOPJCORP telah membekalkan barangan dari IMCoop sebanyak RM34,000 kepada Mutiara Johor Corporation dan individu. KOPJCORP juga mensasarkan pembekalan air sekurang-kurangnya minima 100 kotak dalam masa sebulan. Bagi meningkatkan pendapatan, KOPJCORP telah melaksanakan penjualan secara 'pre order' sebagai contoh Ayamas. Sehingga Jun 2017 KOPJCORP telah menjual sebanyak RM19,000.

#### 1.2.3 Perniagaan Dalam Talian ( E-Dagang )

KOPJCORP akan memperkembangkan bisnes melalui penjualan secara dalam talian dan akan dilancarkan kepada umum pada bulan Ogos 2017. KOPJCORP telah mendapat beberapa persetujuan daripada pembekal yang berminat untuk menjual produk dalam portal tersebut antaranya Canggih, Sharp, barangan komputer, produk kesihatan, buku ilmiah dan lain-lain. Bagi memastikan transaksi dapat dilaksanakan KOPJCORP telah bersetuju untuk menggunakan MOLPay sebagai payment gateway.

### **1.2.3.1 Perkhidmatan**

Bagi meningkatkan pendapatan, KOPJCORP ada menyediakan perkhidmatan antaranya penjualan makanan di Café 24 dan katering. Sehingga Jun 2017, hasil keuntungan melalui perkhidmatan tersebut berjumlah RM9,152. KOPJCORP juga ada menyediakan perkhidmatan IT sebagai salah satu aktiviti bisnes antaranya pembangunan sistem dan pembekalan produk yang mana sehingga Jun 2017 KOPJCORP telah mendapat jualan sebanyak RM 39,500.

### **1.2.3.2 Bisnes Ar Rahnu**

Bisnes Ar Rahnu masih belum dilaksanakan memaanangkan KOPJCORP masih fokus kepada bisnes utama iaitu aktiviti kredit.

## **1.3 LAPORAN KEGIATAN IBU PEJABAT**

### **1.3.1 Status Pembayaran Penjualan Kambing oleh Syarikat MBA Farm Sdn Bhd**

KOPJCORP telah mengeluarkan surat kepada Tetuan Baharudin Wan & Kuna untuk mengambil tindakan menuntut baki hutang. Tetuan Baharudin Wan & Kuna juga diminta untuk membuat carian syarikat dan didapati nama pengarah-pengarah di dalam syarikat MBA Farm Sdn Bhd telah bertukar kepada yang baru.

Tetuan Baharudin Wan & Kuna mencadangkan tindakan di ambil keatas syarikat MBA Farm Sdn Bhd walaupun berubah pengarah. Satu perjumpaan antara Tetuan Baharudin Wan & Kuna dengan pihak pengurusan KOPJCORP akan diadakan pada minggu kedua bulan Julai 2017.

### **1.3.2 Cadangan Pembelian Tanah Bersebelahan Petron Pasir Gudang oleh KOPJCORP untuk ditawarkan kepada syarikat minyak Petron.**

Pihak Petron telah mengutarakan minat untuk memajak tanah bersebelahan Stesyen Minyak Petron Pasir Gudang iaitu di Lot PLO 445 dengan keluasan **28,124k.p**. KOPJCORP juga berminat untuk membeli tanah tersebut daripada Johor Corporation dan memajakkan kepada Petron Pasir Gudang.

Pengurusan KOPJCORP akan berbincang dengan pihak Johor Corporation berkenaan harga tanah dan proses-proses pembelian tanah tersebut.

Memohon kelulusan anggota memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pembangunan Bisnes KOPJCORP membincang, menimbang dan membuat keputusan perkara-perkara berkaitan pembelian dan pemajakan tanah ini.

## **2.0 LAPORAN BAHAGIAN KEAHLIAN**

### **2.1 Status Keahlian**

Kedudukan ahli-ahli di dalam KOPJCORP yang aktif sehingga April 2017 adalah seramai 1,233 anggota dengan jumlah saham dan caruman bulanan sebanyak RM948,448. Seramai 984 orang merupakan ahli tidak aktif dengan jumlah saham yang bernilai RM263,078.48 yang sebahagiannya telah berhenti sebagai ahli KOPJCORP.



Ini bersesuaian dengan Undang-Undang Kecil KOPJCORP Perbadanan Johor Berhad Bahagian IV, Keanggotaan – Perkara 21. (1)d yang menyebut bahawa “Keanggotaan seseorang terhenti atas sebab-sebab dibuang atau berhenti kerja dari Perbadanan Johor, syarikat anak”.

Sistem Pengurusan Berkomputer Koperasi (SPBK) dari MOCCIS digunakan untuk pengurusan keahlian dan kredit aktiviti yang mana sistem tersebut masih dalam pelaksanaan migrasi data.

### 3.0 Pindaan Undang-undang Kecil (UUK)

UUK KOPJCORP perlu dibentangkan lagi di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kal ke 36 ini oleh kerana kelewatan menghantar minit-minit pindaan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) iaitu pindaan nama Koperasi Perbadanan Johor Berhad kepada Koperasi Anggota Pekerja Kumpulan Perbadanan Johor Berhad, pertukaran logo dan perluasan kawasan keanggotaan ke seluruh syarikat dalam Kumpulan Johor Corporation.

Pindaan juga dibentangkan untuk membenarkan keanggotaan masih boleh diteruskan walaupun telah menamatkan perkhidmatan dari Kumpulan Johor Corporation.

### 4.0 STATUS KEWANGAN KOPJCORP

Sehingga **9 Jun 2017**, status perancangan aliran masuk tunai oleh KOPJCORP adalah sebanyak **RM123,183** sebagaimana di bawah:-

<b>RM</b>	
Wang Di Bank	41,127
Wang Di Tangan	1,252
Deposit Tetap	80,963
<b>Jumlah Tunai</b>	<b>123,183</b>
<b>RM</b>	
As Salam Reit – 12,000 unit	18,470
Pelaburan imCoop	30,000
Pelaburan Bank Rakyat	10,000
<b>Jumlah Pelaburan</b>	<b>58,470</b>

### 5.0 PERLETAKAN JAWATAN DAN PERLANTIKAN LEMBAGA PENGARAH

Mengikut seksyen 36(1) seramai 1/3 orang Ahli Lembaga dikehendaki meletak jawatan. Mereka adalah sepertimana berikut;

1. Tuan Hj Abd Ghafar Bin Mohd Yunos
2. Tuan Hj Mohd Kordi Bin Bakin
3. Pn Hj Azdina Binti Baharudin
4. Cik Hj Salmah Bte Hj Abd Wahab

### 6.0 JURUAUDIT DALAMAN

Tiada perubahan



#### **AGENDA 4**

**MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT  
KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, BERSAMA DENGAN  
LAPORAN JURUAUDIT**

## **AGENDA 4 :**

### **MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Nota: Pengerusi / Bendahari dikehendaki membentangkan akaun beraudit 2016 untuk disahkan

**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
**(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)**

**LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**MNZWAJ ASSOCIATES (AF 001959)**  
**AKAUNTAN BERTAULIAH (MALAYSIA)**

**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

<b>Isi kandungan</b>	<b>Muka surat</b>
Maklumat Korporat	1
Laporan Berkanun Anggota Lembaga	2 - 4
Penyata Anggota Lembaga	5
Laporan Juruaudit Bebas	6 - 7
Kunci Kira-Kira	8 - 9
Penyata Pembahagian Keuntungan	10
Penyata Untung Rugi	11 - 12
Penyata Aliran Tunai	13
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	14 - 26

**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

**MAKLUMAT KORPORAT**

**ANGGOTA LEMBAGA**

Tn. Hj. Abdul Hamid bin Abd Rahman	Pengerusi
En. Alfadzilah bin Hj. Mat Aris	Timbalan Pengerusi
Pn. Rohaya binti Jaafar	Setiausaha
Tn. Hj. Abdul Ghafar bin Md Yunos	Bendahari
Tn. Hj. Bukhari bin Abd Rahman	Anggota Lembaga
Pn. Hj. Azizah binti Ahmad	Anggota Lembaga
En. Mohd Bahrin bin Bakri @ Bakori	Anggota Lembaga
Tn. Hj. Kordi bin Bakin	Anggota Lembaga
Cik Salmah binti Hj. Abd Wahab	Anggota Lembaga
Tn. Hj. Jamalludin bin Kalam	Anggota Lembaga
Pn. Azdina binti Baharudin	Anggota Lembaga
Tn. Hj. Mohd Nazarudin bin Ali	Anggota Lembaga

**PEJABAT BERDAFTAR**

Level 11, Menara Komtar  
Johor Bahru City Centre  
80000 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim

**ALAMAT PENTADBIRAN DAN SURAT-MENYURAT**

Level 18, Menara Komtar  
Johor Bahru City Centre  
80000 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim

**JURUAUDIT**

MNZWAJ Associates (AF 001959)  
Akauntan Bertauliah (Malaysia)  
No. 44B, Jalan Padi 1  
Bandar Baru Uda  
81200 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim

**BANK-BANK UTAMA**

Malayan Banking Berhad  
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT  
AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C)**

Kami bagi pihak Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan Koperasi Perbadanan Johor Berhad yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

Kegiatan-kegiatan utama Koperasi adalah dalam bidang pelaburan, hartanah, penjualan ternakan, memberi bantuan pinjaman kepada anggotanya dan kafeteria.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, dan peraturan yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

- (a) Perolehan Koperasi di sepanjang tahun tidak terjejas secara berkesan oleh sebarang perkara, urusan atau kejadian yang luarbiasa. Keuntungan bersih sebelum pembahagian keuntungan adalah berjumlah RM28,948(2015 : RM50,776).
- (b) Koperasi bercadang untuk membayar dividen bagi tahun ini pada kadar yang wajar atas modal saham anggota (2015 : 5% ; RM16,176).
- (c) Koperasi tidak bercadang membayar honorarium Lembaga bagi tahun ini.
- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak ada sebarang keadaan yang timbul yang akan menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Koperasi mengelirukan atau tidak sesuai.
- (e) Tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti yang telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan untuk dikuatkuasakan dalam jangkamasa dua belas bulan selepas akhir tahun yang akan atau mungkin akan menjejaskan keupayaan Koperasi untuk menepati segala kewajipannya apabila tiba masa untuk menunaikannya kelak.
- (f) Aset semasa seperti terdapat dalam rekod-rekod perakaunan Koperasi adalah hasil secara urusan perniagaan biasa dan munasabah.

**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT  
AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C) (SAMBUNGAN)**

(g)Keanggotaan pihak Lembaga bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:


Tn. Hj. Abdul Hamid bin Abd Rahman	Pengerusi
En. Alfadzilah bin Hj. Mat Aris	Timbalan Pengerusi
Pn. Rohaya binti Jaafar	Setiausaha
Tn. Hj. Abdul Ghafar bin Md Yunos	Bendahari
Tn. Hj. Bukhari bin Abd Rahman	Anggota Lembaga
Pn. Hjh. Azizah binti Ahmad	Anggota Lembaga
En. Mohd Bahrin bin Bakri @ Bakori	Anggota Lembaga
Tn. Hj. Kordi bin Bakin	Anggota Lembaga
Cik Salmah binti Hj. Abd Wahab	Anggota Lembaga
Tn. Hj. Jamalludin bin Kalam	Anggota Lembaga
Pn. Azdina binti Baharudin	Anggota Lembaga
Tn. Hj. Mohd Nazarudin bin Ali	Anggota Lembaga




**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA MENGIKUT  
AKTA KOPERASI, 1993 SEKSYEN 59 (1) (C) (SAMBUNGAN)**

Kami bagi pihak anggota Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang dinyatakan di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi, 1993 Seksyen 59(3).

  
Tn. Hj. Abdul Hamid bin Abd Rahman  
(Pengerusi)

  
Pn. Rohaya binti Jaafar  
(Setiausaha)

  
Tn. Hj. Abdul Ghafar bin Md Yunos  
(Bendahari)


**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

**PENYATA ANGGOTA LEMBAGA**

Kami, Tn. Hj. Abdul Hamid bin Abd Rahman dan Tn. Hj. Abdul Ghafar bin Md Yunos, dua orang daripada anggota Lembaga Koperasi Perbadanan Johor Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga, penyata kewangan yang disertakan bersama penyata berkaitan kunci kira-kira, penyata pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan yang diluluskan dan Akta Koperasi, 1993 yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Koperasi pada 31 Disember 2016 dan hasil serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Anggota Lembaga,

  
Tn. Hj. Abdul Hamid bin Abd Rahman  
Pengerusi

  
Tn. Hj. Abdul Ghafar bin Md Yunos  
Bendahari

Johor Bahru  
Tarikh : 02 FEB 2017

**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**

Kepada,

Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Anggota-Anggota Koperasi Perbadanan Johor Berhad

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang terdiri daripada kunci kira-kira pada 31 Disember 2016, penyata pembahagian keuntungan, penyata pendapatan dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan.

*Tanggungjawab Lembaga ke atas Penyata Kewangan*

Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan yang diluluskan dan peruntukan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Lembaga Koperasi turut bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang dianggap perlu oleh Lembaga untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan, berdasarkan audit kami. Kami telah mengendalikan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami patuh dengan keperluan beretika dan merancang dan melaksanakan audit untuk mencapai kepastian yang munasabah samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur untuk memperolehi bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Pemilihan sesuatu prosedur adalah bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara di dalam penyata kewangan, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami menimbangkan kawalan dalaman yang relevan bagi penyediaan penyata kewangan Koperasi yang memberikan pandangan yang benar dan saksama bagi membentuk prosedur audit yang sesuai berdasarkan keadaan, tapi bukan bagi tujuan menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Koperasi. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian terhadap kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Lembaga, serta menilai pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat audit kami.

**Head Office**

No. 84 & 84-1, Jalan TU 40, Taman Tasik Utama, 75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel: 06-2519489, 06-2315289 Fax: 06-2519490 Website: www.mnzwaja.com Email: info@mnzwaja.com

**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMBUNGAN)**

*Pendapat*

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai Koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan yang diluluskan di Malaysia.


**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Badan Pengawasan Lain**


Menurut keperluan dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

- (a) Rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Seksyen 58 Akta;
- (b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset Koperasi dalam tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah menurut peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 di Malaysia dan peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan
- (c) Aset-aset dan liabiliti-liabiliti, di dalam semua aspek yang material, dinyatakan dengan saksama mengikut dasar-dasar perakaunan.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini disediakan hanya bagi anggota-anggota Koperasi, sebagai satu badan, menurut Seksyen 63 dalam Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain tentang isi kandungan laporan ini.

  
MNZWAJ ASSOCIATES  
AF 001959  
Akauntan Bertauliah

  
Mohd Nasri bin Ismail  
SKM (B) 0398  
1711/08/17 (J/PH)  
Akauntan Bertauliah

Johor Bahru  
Tarikh: 02 FEB 2017

**Head Office**

No. 84 & 84-1, Jalan TU 40, Taman Tasik Utama, 75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel: 06-2519489, 06-2315289 Fax: 06-2519490 Website: www.mnzwaja.com Email: info@mnzwaja.com

**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

**KUNCI KIRA-KIRA**  
Pada 31 Disember 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
<b>HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN</b>	3		
Tanah		657,843	681,188
Peralatan pejabat		4,840	410
Peralatan kafeteria		2,699	3,489
Komputer dan perisian		7,983	-
		<u>673,365</u>	<u>685,087</u>
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Pelaburan dalam syer taksir harga	4	40,000	-
Pelaburan dalam syer siar harga	5	18,826	16,073
		<u>58,826</u>	<u>16,073</u>
<b>ASET SEMASA</b>			
Penghutang perdagangan	6	139,987	139,987
Pinjaman anggota	7	140,332	298,368
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	8	5,000	5,000
Pelbagai penghutang dan deposit	9	49,421	29,100
Deposit tetap	10	75,037	131,381
Wang di bank	11	760,119	235,455
Wang di tangan	11	1,252	1,491
		<u>1,171,148</u>	<u>840,782</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Simpanan tetap anggota	12	3,301	3,301
Simpanan khas anggota	13	24,947	24,947
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	14	-	-
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	15	-	-
Dividen dicadangkan	16	-	-
Pelbagai pemiutang dan akruan	17	43,379	23,659
		<u>71,627</u>	<u>51,907</u>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		1,099,521	788,875
		<u>1,831,712</u>	<u>1,490,035</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan.

**KOPERASI PERBADANAN JOHOR BERHAD**  
(Didaftarkan Di bawah Akta Koperasi 1993)

**KUNCI KIRA-KIRA (SAMBUNGAN)**  
